

CABARAN GURU SANDARAN TERLATIH DI SEKOLAH

Siti Zohara Binti Yassin
Jabatan Ilmu Pendidikan

ABSTRAK

Sebagai seorang guru yang baru di tempatkan di sesebuah sekolah, Guru Sandaran Terlatih (GST) menghadapi pelbagai cabaran. Fokus kajian ini adalah meninjau cabaran yang dihadapi oleh GST apabila ditempatkan di sekolah. Kajian kualitatif ini dijalankan lima bulan pertama GST berada di sekolah. Temu bual, pemerhatian dan catatan buku rekod adalah sumber data dalam kajian ini. Antara cabaran yang dihadapi oleh GST ialah perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan penerimaan komuniti sekolah. Dapatan kajian ini mendapati GST tidak bersedia apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen dan, mengajar kelas peperiksaan. Semua GST didapati tidak mempunyai pengetahuan dan tidak berminat apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen. Tetapi dalam menguruskan aktiviti sekolah, didapati GST mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik dan menunjukkan pretasi yang membanggakan.

PENGENALAN

Sebaik sahaja tamat mengikuti latihan di institut perguruan, GST akan ditempatkan di sekolah. Penempatan GST adalah berdasarkan kepada keperluan guru di sekolah tersebut. Ini bermakna GST perlu mampu memenuhi keperluan di sekolah. Apabila situasi ini berlaku sudah tentu GST akan menerima pelbagai tanggungjawab yang tidak dijangkakan.

Latihan yang diperolehi di institut perguruan mungkin telah mampu mengembangkan potensi guru pelatih, iaitu mempunyai daya tahan untuk menghadapi pelbagai cabaran di sekolah. Ramai sarjana (Hebert & Worthy 2001; Stoll, Fink, & Earl, 2003; Martin 2004) menganggap keadaan sekolah dan bilik darjah yang kompleks serta sukar diramal (Rosenholtz & Simpson 1990; Hatch 1999) adalah cabaran yang boleh memberi tekanan kepada GST. Sejauh mana GST boleh menghadapi cabaran ini? Jika GST mengalami tekanan, sudah tentu ia akan mempengaruhi tindakan dalam menangani masalah. Tindakan ini menggambarkan komitmen GST terhadap tugas yang diamanahkan. Jika GST berpandangan positif, kegagalan menangani masalah akan dianggap sebagai cabaran dan mengambil tindakan positif untuk mengatasinya. Tetapi jika GST mempunyai pandangan

negatif, kegagalan akan dianggap sebagai masalah. Pandangan negatif ini juga akan melemahkan semangat untuk berusaha yang juga merupakan tindakan yang akan diambil seterusnya.

Cabaran ini sebenarnya menguji ketahanan GST. Cabaran ini ialah sejauh mana GST mampu bertahan apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen dan kelas peperiksaan dan sejauh mana GST mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh pihak sekolah. Tindakan yang diambil oleh GST adalah strategi dalam menangani cabaran di sekolah. Tindakan yang diambil oleh GST juga menggambarkan sokongan pihak sekolah, yang terdiri daripada rakan sejawat, panatia/ketua jabatan, pengetua dan staf sokongan. Sokongan memberi rasa selamat dan keyakinan kepada GST dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

MASALAH KAJIAN

Cabaran GST

Penempatan di sekolah pada peringkat awal merupakan fasa pertama dalam perkembangan GST (Fuller 1969). Pada fasa pertama ini GST risau tentang diri mereka, iaitu tentang daya tahan sebagai guru, kemampuan mereka mengurus bilik darjah dan kebolehan menangani masalah pelajar. Di sekolah, dua cabaran yang dihadapi oleh GST ialah pengetahuan dan kurikulum dan peranan di sekolah (Cheng & Pang 1997). Selalunya GST akan ditugaskan mengajar kelas yang tercorot (Chan 1998), kelas yang akan menghadapi peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (Tingkatan 5) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (Tingkatan 6) (Norani, Wan Hasmah & Chang 1996). Keadaan ini menggambarkan seolah-olah GST diberi tanggungjawab sama seperti guru-guru yang telah lama berkhidmat di sekolah. Pihak sekolah menawarkan tanggungjawab ini kerana percaya dengan kemampuan GST. Sebenarnya cabaran ini merupakan '*kejutan*' pada GST.

Veenman (1984) menyifatkan cabaran ini sebagai '*kejutan sebenar*' kerana GST akan mengalami situasi yang '*dramatik*' dan '*traumatik*'. Sudah tentu ia merupakan kejutan apabila GST mendapati pengalaman semasa menjalani latihan di institut perguruan amat berbeza apabila berada di sekolah. Selain mengajar mata pelajaran bukan opsyen dan kelas peperiksaan, GST juga memikul tanggungjawab yang selama ini tidak dapat dilaksanakan oleh guru sekolah. Dari segi kemampuan mengajar, ramai sarjana mendapati GST tidak mempunyai pengetahuan dari segi isi kandungan dan tidak boleh menyesuaikan pedagogi dengan keperluan pelajarinya (Norani, Wan Hasmah & Chang, 1996; Darling-Hammond, Berry, Haselkorn & Fideler, 1999).

Kesediaan GST menangani cabaran

Sebenarnya kemampuan GST untuk menghadapi cabaran ini bergantung kepada kesediaan dan semangat GST. Semangat GST mestilah kental dan GST juga perlu

bersedia untuk belajar, berkorban dan bersedia untuk membuat perubahan. Jika GST tidak mempunyai semangat ini, kegagalan menangani masalah yang dihadapi di peringkat awal akan melemahkan semangat mereka untuk menghadapi cabaran seterusnya. Ini adalah kerana kegagalan boleh mempengaruhi kepuasan kerja dan ketahanan GST. Bolehlah disimpulkan ketahanan GST mengharungi cabaran di sekolah bergantung kepada semangat yang menggambarkan nilai dan sikap positif dalam menghadapi cabaran.

Sekarang timbul persoalan kepada punca kegagalan GST menangani cabaran. Ramai sarjana berpendapat GST masih berpegang kuat kepada pengalaman semasa di pusat pengajian tinggi atau kolej (Kendall 2000; Pushkin 2001; Marks 2002) dan ada yang berpendapat GST masih berpegang dengan pengalaman pada zaman persekolahan (Schmidt & Knowles 1995). Sudah tentu pengalaman pada zaman persekolahan dan semasa di pusat pengajian tinggi atau di kolej berbeza dengan situasi di sekolah. Jika GST hanya berpegang kepada pengalaman ini, cara GST menangani cabaran di sekolah juga terhad. Oleh itu kesedaran tentang cabaran yang bakal ditempuhi akan membolehkan GST membuat persediaan diri, sama ada dari segi mental dan fizikal untuk menerima cabaran apabila ditempatkan di sekolah. Kesedaran tentang cabaran ini sebenarnya mampu menyemai sikap positif seperti bersikap tegas dalam segala tindakan. Kesedaran tentang cabaran ini juga akan mengelakkan GST daripada mengalami '*kejutan*' atau '*trauma*' atau '*hilang haluan*' atau merasai diri mereka '*dieksploitasi*' oleh pihak sekolah.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini hanya meneroka cabaran yang dihadapi oleh GST di sekolah. Dalam menghadapi cabaran di sekolah GST memperlihatkan reaksi iaitu sama ada GST bersedia atau sebaliknya menghadapi cabaran di sekolah. Kajian ini juga menerokai punca kepada reaksi GST terhadap cabaran tersebut. Kajian ini dijalankan selama lima bulan pertama sebaik sahaja GST ditempatkan di sekolah. Jangka masa ini merupakan peringkat kritikal GST di sekolah kerana mereka telah diberi tanggungjawab sepenuhnya oleh pihak sekolah (Pultorak 1996).

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menerokai cabaran yang dihadapi oleh tujuh orang GST di empat buah sekolah menengah di sekitar bandar Kuching. Responden dalam kajian telah menjalani latihan di institut perguruan selama satu tahun di bawah program KPLI. Oleh itu dapatan kajian ini terhad kepada kumpulan GST di bawah program KPLI yang menerima latihan di institut perguruan. Bilangan sampel ini mencukupi bilangan yang dicadangkan oleh Yin (1994) iaitu antara enam hingga sepuluh orang dan bilangan ini boleh mencapai tahap tepu (Bogdan & Biklen 2003). Rumusan dan implikasi kajian ini hanya terbatas kepada bilangan sampel dan tempat di mana kajian ini dijalankan. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini juga boleh digunakan

sebagai rumusan jika mempunyai keadaan yang tipikal dalam kajian ini (Schofield 1990).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pelbagai cabaran dihadapi oleh GST sebaik sahaja mereka ditempatkan di sekolah. Antara cabaran tersebut ialah menyesuaikan diri dengan komuniti sekolah, melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh pihak sekolah.

Menyesuaikan diri dengan komuniti sekolah

Cabaran pertama yang harus dihadapi oleh GST sebaik sahaja ditempatkan di sekolah ialah penerimaan komuniti sekolah iaitu guru-guru. Didapati GST mempunyai pelbagai persepsi terhadap guru-guru.

Sebaik sahaja berada di sekolah, GST mempunyai pelbagai persepsi terhadap guru sekolah. Cik Hamidah mempunyai perasaan '*takut*' hendak memulakan perbualan dengan guru lama. Perasaan ini timbul disebabkan oleh umur beliau yang masih muda dan tidak yakin pada diri sendiri. Cik Hamidah memberitahu,

'Saya rasa takut hendak menegur mereka pada peringkat awalnya kerana mereka lebih berpengalaman. Perbezaan pengalaman antara kami sungguh jauh berbeza.'

Sebagai orang baru di sekolah, Puan Rosnah juga tidak berani hendak menyampuk perbualan guru-guru tetapi hanya menjadi pendengar sahaja. Puan Rosnah lebih rapat dengan cikgu yang baru ditempatkan di sekolah itu. Kata Puan Rosnah,

'Cuma dengar. Nak menyampuk tak berani kerana tidak ada pengalaman sangat. Cuma ada seorang cikgu baru di sini dan saya lebih rapat dengan cikgu baru ini di sini. Dia dah lama mengajar tapi baru di sekolah ini.'

Bagi Cik Zaiton pula beliau merasai dirinya diperhatikan oleh guru-guru sekolah. Pandangan Cik Zaiton,

'Terdapat ramai guru berpengalaman dan sudah pasti mereka mampu menangani masalah pelajar. Mereka pasti melihat saya seperti orang baru. Saya rasa malu kerana mungkin mereka nampak kelemahan saya. Ini menyebabkan saya berusaha untuk terus bekerja keras.'

Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran

Cabaran GST dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran ialah apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen dan mengajar mata pelajaran opsyen.

Mengajar mata pelajaran bukan opsyen

Semua GST menyatakan '*risau*' apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen. Puan Fatin telah membuat rayuan apabila ditugaskan mengajar Pengajian Am untuk tingkatan enam atas. Selain bukan opsyen di institut, Puan Fatin tidak pernah belajar Pengajian Am di sekolah kerana selepas tingkatan lima beliau terus masuk matrikulasi. Aduan Puan Fatin telah mendapat perhatian pihak sekolah. PK 1 SMK Hormat telah merombak semula jadual waktu sekolah (rombak dibuat selepas cuti Tahun Baru Cina). Encik Philip juga ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen iaitu pendidikan seni. Mengapa Encik Philip tidak bertindak seperti Puan Fatin? Ini kerana Puan Fatin ditugaskan mengajar kelas peperiksaan berbeza dengan Encik Philip mengajar tingkatan satu. Selain itu, Encik Philip juga mempunyai '*ramai cikgu*' iaitu '*isteri dan adik isteri*' beliau yang '*mahir dalam melukis*.'

Puan Rosnah merasa '*tertekan*' apabila mendapat tahu beliau akan mengajar Bahasa Malaysia. Cik Hamidah pula cuba membuat rayuan apabila ditugaskan mengajar Sejarah. Tetapi pihak sekolah tidak menerima rayuan. Antara alasan yang diberi oleh pihak sekolah ialah, Cik Hamidah masih '*baru*' dan beliau juga dianggap '*masih ingat apa yang dipelajari semasa di sekolah dulu*', lagipun beliau hanya ditugaskan mengajar '*tingkatan dua, bukan kelas peperiksaan*'. Tetapi lain pula pandangan Cik Hamidah,

'Saya belajar sejarah tahun 1997. Sekarang ni dah 2004. 7 tahun dah, mana fresh lagi. Bagi saya benda tu dah lapuk.'

Cik Hamidah seterusnya menambah terdapat perbezaan antara belajar Sejarah pada zaman bersekolah dengan peranan beliau sekarang sebagai seorang guru. Puan Rosnah bersependapat dengan Cik Hamidah. Pandangan Cik Hamidah dan Puan Rosnah seterusnya,

'Memang saya ada belajar Sejarah. Saya nak skor PMR. Sekolah menengah, saya yang belajar, tapi sekarang saya yang mengajar. Bagi saya, saya perlu minat. Saya akan mengajar pelajar bersungguh-sungguh kalau saya minat tapi kalau Sejarah, saya mungkin mengajar sekadar tugas saya. Kalau matematik saya akan mengajar pelajar tu betu-betul faham.' (Cik Hamidah)

'Saya tak tahu sangat pasal BM (Bahasa Malaysia) walaupun SPM dulu saya skor. Mengajar susah sikit. Mengajar lagi susah daripada belajar.' (Puan Rosnah)

Cik Lucy juga tidak membuat rayuan kepada pihak sekolah apabila ditugaskan mengajar Bahasa Inggeris, Pendidikan Seni dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (bukan opsyen di institut) kerana ditugaskan mengajar kelas peralihan. Cik Zaiton ditugaskan mengajar Swajaya. (Swajaya adalah program membantu pelajar untuk lulus beberapa mata pelajaran di dalam peperiksaan SPM. Swajaya menggunakan sukatan mata pelajaran teras dan elektif yang telah diubah suai. Swajaya). Cabaran yang dihadapi oleh Cik Zaiton dan Cik Lucy ialah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut. Mereka memerlukan bahan yang boleh dijadikan panduan atau guru yang boleh dijadikan rujukan. Cik Lucy dan Cik Zaiton memberitahu,

'Tidak ada guru lain yang saya boleh jadikan sumber rujukan.' (Cik Lucy)

'Tidak ada buku teks dan tidak guru dengan berbincang kerana guru yang mengajar pun guru sementara. Setakat ini saya tak ada bahan.' (Cik Zaiton)

Cik Zaiton telah 'berusaha sendiri' untuk memahami sukatan pelajaran dan Cik Lucy telah memberi reaksi positif terhadap cabaran ini.

'Saya terpaksa juga terima walaupun saya tidak ada keyakinan mengajar beberapa subjek. Tapi tak apalah saya cuba sebaik mungkin. Saya terima.'

Encik Philip juga risau dan mengakui kelemahan dirinya dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pendidikan seni. Tetapi Encik Philip berusaha untuk belajar daripada isteri beliau. Kata Encik Philip,

'Saya sendiri tak ada pengetahuan atau teori tentang PS. Saya tak ada kemahiran. Memang saya tak boleh lukis. Nak saya hasilkan lukisan maaflah jadi saya tak boleh hasilkan lukisan dan saya tak boleh tunjukkan kerja saya.'

Tetapi perasaan 'tertekan' yang dialami oleh Cik Hamidah tidak mengubah sikapnya seperti yang terdapat pada Cik Lucy, Cik Zaiton, Puan Rosnah dan Encik Philip. Alasan yang diberi oleh Cik Hamidah seperti tidak suka dengan Sejarah, tidak berminat mengajar Sejarah dan merasai bahawa dirinya 'dipaksa' untuk mengajar telah mempengaruhi pandangan Cik Hamidah tentang tugas mengajar Sejarah. Cik Hamidah menjelaskan,

'Bagi saya Sejarah tu sekadar perkara sampingan untuk memenuhi waktu.'

Tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah juga telah, menyebabkan Cik Hamidah menggunakan atau '*mengorbankan*' masa Sejarah untuk membuat tugas sampingan iaitu membuat sependok. Banyak kesan sama ada ke atas guru sendiri atau pelajar, jika guru tidak bersedia mengajar mata pelajaran bukan opsyen di institut. Tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang yang bukan opsyen juga menyebabkan GST tidak yakin, merasa ragu dan risau tentang pengajaran mereka. Cik Hamidah, Cik Lucy, Encik Philip dan Puan Rosnah memberitahu,

'Saya terfikir-fikir pelajar dapatkah terima apa yang saya ajar. Saya ragu-ragu.' (Cik Hamidah)

'Ragu-ragu, misalnya dalam tajuk yang ada istilah-istilah yang saya tak pernah pelajari yang sangat asing bagi saya.' (Cik Lucy)

'Saya tak lukis apa-apa pun, itu yang saya risau.' (Encik Philip)

'Rasa tak yakin dengan format RPH tu kerana berbeza dengan format kita. Agak sukar setiap kali membuatnya. Kalau selepas BM saya rasa kurang yakin dengan apa yang saya ajar sebab bukan opsyen kita. Rasa tak puas kadang-kadang kelam kabut sikit. Kita sudah atur susun susun kadang masuk kelas jadi lain. BM, walaupun dah diberi latihan beri soal jawab, pelajar boleh jawab, tapi tak pasti betul ke apa yang dibuat. Kadang-kadang dua tiga kali saya bertanya pelajar sama ada faham.' (Puan Rosnah).

Mengajar mata pelajaran opsyen

Cabaran GST dalam mengajar mata pelajaran opsyen timbul ialah apabila mereka ditugaskan mengajar kelas peperiksaan dan jika mata pelajaran tersebut memerlukan bahan mentah.

Cik Faridah ditugaskan mengajar Fizik Tingkatan 5. Cik Faridah menganggap tugas mengajar Fizik tingkatan lima sebagai memberi '*pengalaman*'. Cik Faridah pernah mengajar tingkatan lima semasa menjadi guru sandaran. Ini bermakna mengajar kelas peperiksaan bukan sesuatu yang baru bagi beliau. Lagipun Cik Faridah berpasangan dengan guru berpengalaman, iaitu Puan Zu. Dengan adanya guru lama mengajar tingkatan lima, cabaran ini tidak begitu merisaukan Cik Faridah.

Cik Zaiton, Encik Sazali, Cik Hamidah dan Puan Rosnah menghadapi masalah untuk mendapat bahan untuk amali MPV (mata pelajaran vokasional) kerana pada awal tahun peruntukan untuk mata pelajaran ini belum diterima.

Puan Rosnah telah memberi teori sepanjang enam masa apabila peruntukan kewangan untuk membeli bahan belum diterima oleh pihak sekolah.

Di SMK Ceria MPV baru sahaja diperkenalkan. Walaupun bengkel Pemprosesan Makanan Encik Sazali sudah dilengkapi dengan peralatan tetapi beliau menghadapi

masalah mendapatkan bahan untuk melaksanakan kelas amali. Encik Sazali menggunakan wang sendiri untuk membeli bahan masakan kerana wang peruntukan belum diterima oleh pihak sekolah. Hasil masakan yang telah dimasak dijual kepada guru-guru dan dari sinilah bermulanya 'tabung kelas'.

Cik Zaiton menghadapi masalah untuk membahagikan masa beliau untuk membuat perancangan beliau. Cik Zaiton menjelaskan masalahnya,

'Bangunan belum siap. Hari Selasa saya ada 4 waktu. Dah 3 jam lebih kita buat teori. Budak bukan nak dengar kita bercakap. Lepas tu, kita duduk mengawal mereka daripada buat bising. Kalau ada bahan mengajar mungkin saya boleh kawal budak sebab bila budak-budak ni tak ada aktiviti nak buat, mereka akan melakukan aktiviti sendiri yang memeningkan kepala kita'.

Kekurangan peralatan, ketiadaan bahan dan keadaan bangunan yang belum siap merupakan cabaran yang amat merisaukan Cik Zaiton.

Kesediaan pelajar menerima mata pelajaran Landskap dan Nurseri juga merupakan cabaran bagi Cik Zaiton. Pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Landskap, akan bekerja di bawah cahaya matahari dan sebagai pelajar 'bandar', mereka tidak biasa dengan aktiviti bercucuk-tanam.

Melaksanakan tugas

Melaksana aktiviti atau tugas yang diamanahkan oleh pihak sekolah juga merupakan cabaran yang dihadapi oleh GST. Pada hari pertama melaporkan diri di sekolah Puan Fatin telah diamanahkan oleh Pengetua untuk menghidupkan Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ). Sebelum ini KKQ '*tidak mencapai*' sasaran yang diharapkan oleh Pengetua. Kepercayaan yang diberikan oleh pihak sekolah telah dibuktikan oleh Puan Fatin. Puan Fatin telah berjaya menjalankan tugas yang diamanahkan kerana mendapat kerjasama daripada pihak pengetua dan guru-guru sekolah.

Encik Philip pula telah dilantik sebagai guru tingkatan dan pengurus rumah sukan. Walaupun semasa di maktab mendapat pendedahan tentang sukan, tetapi Encik Philip '*tidak pernah*' terfikir yang beliau akan menjadi '*ketua pengurus*.' '*Mengurus*' guru-guru sangat '*merisaukan*' Encik Philip. Tambah Encik Philip, '*bukan senang orang junior mengurus orang senior*.' Perbezaan status di sekolah merisaukan Encik Philip. Banyak perkara '*baru*' yang beliau tidak tahu dan merasai tanggungjawab yang diberi '*agak membebankan*' beliau.

Cik Hamidah yang merupakan seorang guru SRT (Seni Reka Tanda) juga diberi tugas sampingan iaitu membuat sepanduk untuk aktiviti sekolah seperti minggu Kemasyarakatan Sains, hari Jogerton, Maulidur Rasul, Maal Hijrah dan sebagainya. Cik Hamidah tidak menolak sebaliknya menerima dan membuat tugas sampingan

tersebut. Kadang-kadang masa mengajar SRT dan Sejarah digunakan untuk membuat tugas tersebut. Pelajar-pelajar beliau akan disuruh membuat membuat '*kerja sendiri*'. Selalunya Cik Hamidah meminta pertolongan guru yang memohon bantuan beliau untuk masuk '*sit-in*' kelas Sejarah. Cik Hamidah memberi pandangan beliau apabila situasi ini dialaminya,

'Terkilan juga. Sebab sepatutnya saya bercadang nak buat nota, saya bercadang nak buat latihan. Bila saya tak dapat buat saya terpaksa tangguh, jadi (tugas membuat sependok) membebankan saya'

Semua GST bersedia melaksanakan cabaran yang diberikan oleh pihak sekolah. Tetapi apabila ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan opsyen di institut perguruan semua GST menyatakan tidak yakin dan tidak mahir dalam bidang tersebut. Reaksi negatif terhadap cabaran mempengaruhi tindakan GST. Apabila cabaran itu berkaitan dengan tugas sampingan GST tidak dapat membezakan dengan tugas utama.

RUMUSAN

Dapatan kajian ini telah memperlihatkan cabaran yang harus dihadapi oleh GST apabila ditempatkan di sekolah. Sejauhmana pihak sekolah memberi sokongan harus diterokai dalam kajian selanjutnya. Jika GST mendapat sokongan daripada pihak sekolah mungkin akan mengurangkan 'tekanan' atau mungkin memberi 'semangat' kepada GST. Sokongan daripada pihak sekolah juga mungkin merupakan bimbingan kepada GST untuk mencapai 'perkembangan profesional'. Kalau GST tidak sedar, tidak peka dan tidak tahu tanggungjawab yang bakal mereka perolehi sudah tentu tugas yang diberikan oleh pihak sekolah merupakan 'kejutan'.

Sebagai persediaan diri, GST perlu sedar bahawa mereka akan '*diberi tugas seperti guru yang sudah lama berkhidmat di sekolah*', kata Pengetua SMK Hormat. Tambah beliau lagi,

'Pihak sekolah menaruh harapan yang tinggi terhadap guru baru ini, iaitu boleh memberi khidmat yang baik, melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum serta memberi kerjasama dan menyumbang kearah kecemerlangan sekolah.'

Harapan dan pandangan pengetua ini merupakan cabaran yang ditempuhi oleh GST apabila ditempatkan di sekolah. Oleh itu GST harus bersedia sama ada dari segi mental, emosi dan fizikal apabila ditempatkan di sekolah setelah menamatkan latihan keguruan.

RUJUKAN

- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. Ed. ke-4. Boston: Allyn & Bacon.
- Chan Suan Khin, Jacinta. (1998). Perceived problems and needs of beginning teachers in Sarawak. Tesis sarjana. Universiti Malaya.
- Cheng, M. H. & Pang, K. C. (1997). Teacher socialization: Implications for the design and management of initial teacher education programmes. *Education & Training*, 39, 4/5, 195-204.
- Darling-Hammond, L., Berry, B. T., Haselkorn, D., Fideler, F. (1999). Policy Influences on the Supply and Quality of Teachers. Dlm. Darling-Hammond, L. & Sykes, G (pnyt.). *Teaching as the learning profession: Handbook of policy and practice*, hlm. 183-224. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Fuller, F. F. (1969). Concerns of teachers: A developmental conceptualization. *American Educational Research Journal*, 6/2, 207-225.
- Hatch, J. A. (1999). What preservice teachers can learn from studies of teachers' work. *Teacher and Teacher Education*, 15, 229-242.
- Hebert, E. & Worthy, T. (2001). Does the first year of teaching have to be a bad one? A case study of success. *Teaching and Teacher Education*, 17, 897-911.
- Marks, M. J. (2002). Can we practice what we preach? *Phi Delta Kappa*, September, 88-89.
- Martin, S. D. (2004). Finding balance: Impact of classroom management conceptions on developing teacher practice, *Teaching and Teacher Education*, 20, 405-422.
- Norani Mohd. Salleh, Wan Hasmah Wan Mamat & Chang Lee Hoon (1996). Profesionalisme guru baru di Sabah dan Sarawak. *Jurnal Pendidikan Universiti Malaya*, 17, 17-35.
- Pultorak, E. G. (1996). Following the developmental process of reflection in novice teachers: Three years of investigation. *Journal of Teacher Education*, 47/4, 283-291.
- Pushkin, D. (2001). *Teacher training: A reference handbook*. California: Contemporary Education Issues.
- Schofield, J. W. (1990). Increasing the generalizability of qualitative research. Dlm. Eisner, E. W. & Peshkin, A. (pnyt.). *Qualitative inquiry in education: The continuing debate*, hlm. 201-232. London: Teachers College Press.
- Stoll, L., Fink, D. & Earl, L. (2003). *Its about learning (and its about time) whats' in It for school?* London: Routledge Falmer.
- Veenman, S. (1984). Perceived problem of beginning teachers. *Review of Educational Research*, 54/2, 143-178.
- Yin, R. K. (1994). *Case study research: Design and methods*. Ed. ke-2. Thousand Oak: Sage Publications.